



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH
PERTANDINGAN MEWARNA KANAK-KANAK
SECARA VIRTUAL BERTEMAKAN KEMPEN
PENCEGAHAN COVID-19**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)
2.30 PETANG**

MEDIA LOUNGE

**LOBI MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmud

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua Juri

Encik Ahmad Zaini Bin Zainul Abidin

Pengarah Urusan

Zart Eventive Enterprise

Barisan Juri

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Kakitangan-Kakitangan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikumwarahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita berkumpul pada petang ini dalam Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak Secara Virtual Bertemakan Kempen Pencegahan COVID-19 anjuran Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Pertama sekali saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak MBSP, terutamanya, Unit Butterworth Baharu atas komitmen yang telah diberikan dalam melaksanakan program ini dan juga memastikan majlis pada hari dapat diadakan dengan jayanya. Penghargaan juga saya panjangkan kepada semua kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini. Kepada Ketua Juri, Encik Ahmad Zaini Bin Zainul Abidin, Pengarah Urusan Zart Eventive Enterprise, dan Barisan Juri, sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kerana banyak berkorban masa untuk menilai kesemua lukisan yang dipertandingkan.

Terima kasih kepada para hadirin sekalian yang sudi meluangkan masa menghadiri majlis pada petang ini dan jangan lupa, tuan-tuan dan

puan-puan, untuk mematuhi SOP penjarakkan sosial dan memakai pelitup muka untuk mengelakkan penularan wabak pandemik Covid-19 ini. Dalam kita bersama-sama mengharungi pandemic Covid-19, aktiviti dan program MBSP tetap diteruskan dalam normal kehidupan yang baharu mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan.

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak Bertemakan Kempen Pencegahan Covid-19 adalah anjuran Majlis Bandaraya Seberang Perai. Pertandingan ini telah dilancarkan pada 7 September 2020 dan berakhir pada 15 September 2020. Penyertaan adalah PERCUMA bagi 3 kategori yang dipertandingkan dan adalah terbuka kepada kanak-kanak berumur lima (5) tahun hingga 12 tahun.

Pada tahun-tahun sebelum ini, pertandingan ini diadakan bersempena Temasya Bagan yang diadakan di Butterworth dengan penyertaan terhad kepada 20 hingga 30 kanak-kanak dari Kawasan Butterworth sahaja. Bagaimanapun, pada tahun ini, berikutan penularan wabak pandemik Covid-19 yang melanda negara dan seluruh dunia serta berikutan SOP Kementerian Kesihatan Malaysia, pertandingan ini buat pertama kalinya

dilaksanakan secara *VIRTUAL*. Apa yang uniknya kali ini, adalah penyertaan tidak dihadkan kepada kanak-kanak di sekitar Butterworth sahaja malah terbuka kepada semua kanak-kanak yang bermastautin di Seberang Perai. Tahun ini menyaksikan jumlah penyertaan seramai 179 kanak-kanak bagi tiga (3) kategori yang dipertandingkan.

Matlamat Pertandingan ini diadakan adalah:

- Memberi pendidikan dan kesedaran (*Education & awareness programme*) di kalangan kanak-kanak mengenai Kempen Pencegahan Wabak Covid-19;
- Mencungkil bakat dan kreativiti kanak-kanak; dan
- Meningkatkan kemahiran motor halus kanak-kanak

Pertandingan ini terbahagi kepada 3 kategori iaitu:

- Kategori A: Kanak-Kanak Berumur 5 – 6 Tahun

- Kategori B: Kanak-Kanak Berumur 7 – 9 Tahun
- Kategori C: Kanak-Kanak Berumur 10 – 12 Tahun

Hadiah pertandingan adalah:-

KATEGORI	UMUR	HADIAH PERTANDINGAN	
A	5 – 6 tahun	Johan	RM 150.00 & Hamper
		Naib Johan	RM 120.00 & Hamper
		Ketiga	RM 90.00 & Hamper
		Keempat	RM 60.00 & Hamper
		Kelima	RM 30.00 & Hamper
		Saguhati	5 Hadiah Saguhati
B	7 – 9 tahun	Johan	RM 150.00 & Hamper
		Naib Johan	RM 120.00 & Hamper
		Ketiga	RM 90.00 & Hamper
		Keempat	RM 60.00 & Hamper
		Kelima	RM 30.00 & Hamper
		Saguhati	5 Hadiah Saguhati
C	10 – 12 tahun	Johan	RM 150.00 & Hamper
		Naib Johan	RM 120.00 & Hamper
		Ketiga	RM 90.00 & Hamper

KATEGORI	UMUR	HADIAH PERTANDINGAN	
		Keempat	RM 60.00 & Hamper
		Kelima	RM 30.00 & Hamper
		Saguhati	5 Hadiah Saguhati

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Akhir sekali, saya mengucapkan TAHNIAH & SYABAS kepada pemenang-pemenang Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak Bertemakan Kempen Pencegahan Covid-19 yang akan menerima hadiah sebentar lagi. Memanglah adat pertandingan, semestinya ada pemenang dan ada yang tidak menang. Bagi yang tidak menang, Insya Allah kekalkan semangat dan cuba lagi pada masa akan datang. Apa yang penting di sini adalah pengalaman dan kesedaran yang telah diperolehi yang amat bermakna bagi setiap peserta.

Terima Kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You

Sekian, *Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*